

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG ]**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan "Regional Comprehensive Economic Partnership" pada masa kini, dan adakah Kerajaan sudi untuk melaksanakan kajian kos-faedah sebelum perjanjian diratifikasikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN. RCEP melibatkan 16 buah negara iaitu semua negara-negara ASEAN dengan rakan-rakan dialog iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India. Berdasarkan statistik, RCEP merangkumi 30% Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) dunia dan hampir 50% penduduk global. Ia dikatakan sebagai perjanjian perdagangan bebas serantau yang terbesar pada keadaan semasa.

2. Rundingan RCEP dibuat berlandaskan kepada beberapa prinsip seperti berikut:

- a) RCEP hendaklah sebuah perjanjian yang moden, komprehensif dan berkualiti tinggi;
- b) Tawaran kepada negara-negara ASEAN mestilah melebihi tawaran kepada rakan-rakan dialog;
- c) Menyamai atau melebihi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada antara ASEAN dengan rakan-rakan dialog iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand; dan
- d) Tawaran akses pasaran dalam dagangan barangan, perkhidmatan dan sektor pelaburan oleh rakan-rakan dialog kepada ASEAN tidak boleh membezakan sesama negara-negara ASEAN.

3. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga Jun 2019, sebanyak 26 pusingan rundingan telah diadakan. Sepanjang sesi rundingan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri selaku Ketua Perunding atau *Chief Negotiator*, dengan izin, telah memohon ulasan dari semua kementerian dan agensi yang berkenaan. Kementerian dan agensi masing-masing yang mengawal selia dasar-dasar Malaysia ke atas hal-hal yang dirundingi dalam Perjanjian ini bertanggungjawab ke atas keputusan Malaysia dalam perkara-perkara tersebut. Perkara ini penting bagi memastikan kepentingan Malaysia terpelihara. Sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan perkara-perkara berikut :

- i. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF);
- ii. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- iii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iv. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- v. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vi. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan; dan
- vii. *Institutional Provisions*.

4. Untuk makluman, keputusan Kerajaan Malaysia untuk menyertai rundingan adalah berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 16 November 2012 yang dimohon melalui Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dua kaji selidik integrasi ekonomi melibatkan ASEAN+3 (ASEAN, Jepun, Korea dan China) dan ekonomi ASEAN+6 (ASEAN, Jepun, Korea, China, India, Australia dan New Zealand) telah dijalankan oleh Sekretariat ASEAN dan hasilnya telah dibentangkan di

mesyuarat peringkat Ketua-Ketua Negara ASEAN. Proses ini telah mengambil masa tiga tahun iaitu dari 22 Julai 2006 sehinggalah 3 Julai 2009. Kajian-kajian ini secara amnya menyarankan bahawa integrasi ekonomi ASEAN+3 dan ASEAN+6 akan menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Integrasi ekonomi adalah melalui satu perjanjian perdagangan bebas yang melibatkan kesemua 16 buah negara.

5. ASEAN telah mengambil langkah untuk hanya memulakan rundingan RCEP pada tahun 2013 setelah semua rundingan perjanjian perdagangan bebas dengan keenam-enam rakan dialog ASEAN melalui perjanjian-perjanjian ASEAN+1 telah dimuktamadkan. Ini adalah bagi memastikan ASEAN mempunyai asas yang kukuh untuk memastikan RCEP akan memberikan kelebihan berbanding perjanjian-perjanjian ASEAN+1.

6. Antara faedah-faedah lain RCEP kepada Malaysia adalah:

(i) Pertama, peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap FTA ASEAN dapat diselaraskan dengan lebih teratur. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini akan merumitkan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN, seterusnya mengenakan kos tambahan serta menambah masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;

(ii) Kedua, peluang memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari pelbagai negara sumber boleh diserapkan dalam perkiraan pematuhan Peraturan Tempasal atau dengan izin, *Rules of Origin* (ROO). ROO merupakan kaedah yang menentukan sama ada produk yang dihasilkan menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Hal ini penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara anggota RCEP;

(iii) Ketiga, RCEP akan membantu integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rangkaian bekalan sedunia atau *global supply*

*chain*, dengan izin, agar lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa dan seterusnya berkembang menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);

(iv) Keempat, rundingan RCEP melibatkan Republik Rakyat China dan India yang kini mengamalkan dasar ekonomi terbuka akan memberi peluang kepada Malaysia serta negara-negara ASEAN lain memperluas peluang eksport barangan dan perkhidmatan di kedua-dua pasaran berkenaan. Pada masa ini belum ada sebarang perjanjian perdagangan bebas yang menghubungkan kedua-dua negara besar ini kecuali RCEP; dan

(v) Kelima, Malaysia akan menikmati capaian dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana masih terdapat peluang pasaran eksport produk-produk berkepentingan Malaysia yang masih lagi belum diakses sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Sebelum Malaysia bersetuju dengan negara-negara ASEAN untuk memuktamadkan rundingan RCEP, ditandatangani dan diratifikasi Kerajaan Malaysia, pihak Kementerian akan memohon keputusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.